

SEGERA



KENYATAAN MEDIA

PEMBERIAN DISKAUN 50% KADAR TOL LEBUHRAYA SEMPENA PERAYAAN HARI RAYA AIDILFITRI 2018

KAJANG, Selasa :- Pemberian diskaun tol sebanyak 50% sempena Hari Raya Aidilfitri akan dilaksanakan pada 13 Jun 2018 (Rabu) dan 14 Jun 2018 (Khamis). Pemberian diskaun ini berkuatkuasa pada 13 Jun 2018 jam 00:00:01 dan berakhir 14 Jun 2018 pada jam 23:59:59 untuk semua kelas kenderaan.

Diskaun tol akan diberikan di semua plaza tol lebuhraya **kecuali** di Plaza Tol Tanjung Kupang, Linkedua dan Plaza Tol Bangunan Sultan Iskandar, Tambak Johor.

Kelayakan untuk menerima diskaun tol ini adalah seperti berikut;



- i. Bagi pengguna yang melalui **plaza tol sistem tertutup** seperti Lebuhraya PLUS, ELITE, LPT 1, LPT 2, SDE, LEKAS dan SKVE, pemberian diskaun ini akan bermula pada 13 Jun 2018 jam 00:00:01 di plaza tol keluar dan akan berakhir pada 14 Jun 2018 jam 23:59:59, manakala;
- ii. Bagi pengguna yang melalui **plaza tol sistem terbuka**, pemberian diskaun ini akan bermula pada 13 Jun 2018 jam 00:00:01 dan akan berakhir pada 14 Jun 2018 jam 23:59:59.

Pengguna dinasihatkan supaya mematuhi Jadual Waktu Perjalanan (TTA) yang dikeluarkan oleh syarikat konsesi supaya perjalanan lebih lancar ke destinasi yang dituju.

Dikeluarkan oleh:

Unit Perhubungan Awam, Bahagian Sumber Manusia dan Korporat | Lembaga Lebuhraya Malaysia

☎ : 03- 8738 3000 / D.L :03-8738 2506 / 2515 / 2692 | 📠 : 03-87383555

🌐 Laman Web : www.llm.gov.my |  Lembaga Lebuhraya Malaysia |  @LLMrasmi / @LLMinfotrafik |

 aduan@llm.gov.my

SEGERA

Pengguna yang mempunyai sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini boleh menghubungi *hotline* Pusat Trafik LLM 1-800-88-7752 atau mana-mana pusat khidmat pelanggan lebuhraya- lebuhraya yang berkenaan.



Lembaga Lebuhraya Malaysia mengucapkan selamat Hari Raya Aidilfitri, semoga perjalanan anda selamat dan diberkati.




Ketua Pengarah
Lembaga Lebuhraya Malaysia


12 Jun 2018

Dikeluarkan oleh:

Unit Perhubungan Awam, Bahagian Sumber Manusia dan Korporat | Lembaga Lebuhraya Malaysia

 : 03- 8738 3000 / D.L :03-8738 2506 / 2515 / 2692 |  : 03-87383555

 Laman Web : www.llm.gov.my |  Lembaga Lebuhraya Malaysia |  @LLMrasmi / @LLMinfotrafik |

 aduan@llm.gov.my